

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

HASIL PEMERIKSAAN ADUAN KENAIKAN HARGA SIMEN DI PERINGKAT PENGILANG

Pada awal Februari 2020, Kementerian telah menerima aduan daripada Pengerusi Persatuan Pembina Johor (JMBA) dan juga aduan melalui media sosial berhubung dakwaan berlakunya kenaikan harga simen dari 20% hingga 50%.

Bertindak daripada aduan tersebut, Bahagian Penguatkuasa Kementerian pantas memulakan siasatan sejak 3 Februari 2020 lagi dengan melawat pengadu, kilang-kilang yang diadu serta mengeluarkan Notis 21 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) kepada para pemain industri yang berkaitan untuk membekalkan maklumat yang diperlukan oleh pihak Kementerian.

Serahan Notis Pengesahan Maklumat Barangan dan Notis bertulis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 telah dikeluarkan oleh KPDNHEP kepada empat (4) pengilang simen utama pada 3 Februari 2020 seperti yang berikut:

- 1. SLAG CEMENT (SOUTHERN) SDN BHD**
- 2. LAFARGE CEMENT SDN BHD**
- 3. HOLCIM (MALAYSIA) SDN BHD**
- 4. YTL Perak Hanjoong Simen Sdn Bhd**

Hasil daripada maklum balas Notis 21 AKHAP 2011 terhadap empat (4) pengilang simen utama berkenaan, didapati **tidak berlaku kenaikan harga simen** di peringkat pengilangan simen.

Selain itu, apabila perbandingan harga tahun-ke-tahun dilakukan, didapati berlaku **penurunan harga dan kos untuk simen di peringkat pengilang**.

Disertakan di bawah maklumat perbandingan harga jualan simen di peringkat 4 pengilang simen utama tersebut untuk 4 tahun berturut-turut.

1. Rekod di Slag Cement (Soutern) Sdn Bhd.

Rekod Jualan	2017 (Jan)	2018 (Jan)	2019 (Jan)	2020 (Jan)
OPC Bulk / (RM/ mt)	RM 246	RM 216	RM 195	RM 195
OPC Bag / (RM/ mt)	RM 302	RM 226	RM 195	RM 195
OPC Diomand (bag)	Tiada penjualan	RM 195	RM 195	RM 195

2. Holcim (Malaysia)Sdn Bhd.

Rekod Jualan	2017 (Jan)	2018 (Jan)	2019 (Jan)	2020 (Jan)
OPC Bulk / (RM/ mt)	RM 240	RM 203	RM 192	RM 190
OPC Bag / (RM/ mt)	RM 11.70	RM 9.80	RM 9.60	RM 10.00

3.Lafarge Cement Sdn Bhd / Kedah Cement Sdn Bhd

Rekod Jualan	2017 (Jan)	2018 (Jan)	2019 (Jan)	2020 (Jan)
Mascrete Eco Bulk / (RM/ mt)	RM 255	RM 205	RM 205	RM 200
Mascrete Low Heat Bulk / (RM/ mt)	RM 265	RM 235	RM 195	RM 200
Phoneix(bag)	RM 11.70	RM 9.60	RM 9.70	RM 10.00

4. YTL Perak Hanjoong Simen Sdn Bhd

Maklumat Harga	2017 (Jan)	2018 (Jan)	2019 (Jan)	2020 (Jan)
OPC Bulk (RM/ mt)	RM 239.00	RM 214.00	RM 189.00	RM 168.00
OPC Beg 50kg	RM 12.75	RM 11.25	RM 11.45	RM 11.25

Dalam mengorak langkah ke hadapan, **pemeriksaan akan diteruskan di peringkat pemasaran am** bagi mendapatkan butiran atau maklumat lanjut berhubung harga yang ditawarkan kepada peringkat pengedar.

Bahagian Penguatkuasa Kementerian akan menyediakan laporan terperinci berkenaan kenaikan harga simen setelah siasatan di peringkat pemasaran am ini dillengkapkan.

KPDNHEP menasihati orang ramai agar tidak membuat spekulasi atau menyebarkan berita tanpa fakta atau bukti yang berasas. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat, bukti atau ingin membantu siasatan boleh menghubungi KPDNHEP melalui saluran-saluran aduan berikut :-

- (i) Portal e-aduan@kpdnhep.gov.my
- (ii) [Call Centre 1800 886 800](tel:1800886800)
- (iii) Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- (iv) aplikasi telefon pintar **Ez ADU**
- (v) **Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245 / 6088**
- (vi) talian 03-8000 8000 **Malaysia Government Call Centre (MYGCC)**
- (vii) Whatsapp ke **019- 279 4317**
- (viii) lapor/hadir ke mana-mana 73 buah pejabat KPDNHEP di seluruh negara.

Kementerian akan terus peka dan pantas bertindak dalam memastikan hak pengguna dibela dan tidak berlaku aspek yang boleh menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup rakyat.

#####

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

12 Februari 2020